

PEMBENTUKAN AKHLAK MENURUT SAID NURSI DALAM RISALAH AL-NUR

THE FORMATION OF MORAL CHARACTER IN COMPLIANCE WITH SAID NURSI IN RISALAH AL-NUR

Mohd Nasir Ayub^{1*}
Surita Hartini Mat Hassan²
Asjad Mohamed³
Hasbullah Mohamad⁴
Muhammad Shuhaimi Ab Latip⁵
Arifa Pratami⁶

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Raub, 27600 Raub Pahang, (Email: mnasir251@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Raub, 27600 Raub Pahang (Email: suritahartini@uitm.edu.my)

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Jengka (Email: asjad@uitm.edu.my)

⁴Abdulhamid Abusulayman Kuliyah Ilmu Islam Dan Ilmu Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuantan (Email: asbul74@iium.edu.my)

⁵Kuliyah Kaunseling, Pendidikan Dan Sains Sosial, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Email: shuhaimi@unishams.edu.my)

⁶Fakultas Agama Islam, Ekonomi Syariah, Universitas Islam Sumatera Utara, Indonesia (Email: arifa@fai.uisu.ac.id)

Article history

Received date : 25-8-2025
Revised date : 26-8-2025
Accepted date : 27-9-2025
Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Ayub, M. N., Mat Hassan, S. H., Mohamed, A., Mohamad, H., Ab Latip, M. S., & Pratami, A. (2025). Pembentukan akhlak menurut Said Nursi dalam Risalah al-Nur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 641 – 657.

Abstrak: Tujuan utama diutuskan Nabi Muhammad SAW adalah untuk mendidik akhlak manusia seterusnya membentuk insan yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Persoalannya, adakah umat Islam kini menghayati nilai akhlak yang ada dalam ajaran Islam itu sendiri sehingga menjadi umat contoh kepada umat lain? Kajian ini mengetengahkan penyelesaian terhadap kerosakan akhlak umat Islam menurut Said Nursi khususnya dalam tafsir beliau Risalah al-Nur. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menjadikan kitab asal Said Nursi iaitu Risalah al-Nur sebagai sumber utama. Ia disokong oleh sumber sekunder seperti tesis, jurnal dan buku-buku terpilih yang membincangkan secara khusus tentang pembentukan akhlak. Data yang dikumpul pula akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Said Nursi mengemukakan tiga pendekatan utama bagi menangani kerosakan akhlak, iaitu memahami hakikat kejadian manusia sebagai asas pembinaan jiwa, menghayati nilai-nilai Asma' al-Husna sebagai panduan pembentukan peribadi dan memanfaatkan ilmu pengetahuan secara seimbang untuk menyuburkan akal dan hati. Pendidikan akhlak yang betul akan melahirkan insan yang sanggup mempertahankan agama, bangsa dan negara, demi kemakmuran manusia seagat.

Kata kunci: Pembentukan akhlak, kerusakan akhlak, penyelesaian akhlak, pendidikan jiwa, Badiuzzaman Said Nursi, Risalah al-Nur

Abstract: *The Prophet Muhammad's (peace be upon him) mission was primarily to build up human morality and shape individuals with faith and piety towards Allah SWT. The issue is, however, whether Muslims today are actually living in compliance with the moral values rooted in Islam so that they may become model persons in other societies. This study highlights Said Nursi's proposed solutions to the moral decline of Muslims, particularly as expounded in his exegetical work Risalah al-Nur. Employing a qualitative research design, this study relies primarily on Said Nursi's original text, Risalah al-Nur supported by secondary sources such as theses, journals, and selected books that specifically address the formation of moral character. The data collected are analyzed using content analysis methodology. The findings indicate that Said Nursi suggested three fundamental ways of preventing moral corruption: being acquainted with the truth of human creation as a foundation for spiritual development, internalizing Asma' al-Husna virtues as a guide to personal evolution, and utilizing knowledge in balance to nourish intellect and heart. An ideal moral education, in return, will provide citizens who are committed to the protection of religion, nation, and country, thereby working towards the welfare of mankind as a whole.*

Keywords: Moral formation, moral decline, moral solutions, spiritual education, Badiuzzaman Said Nursi, Risalah al-Nur

Pengenalan

Akhlak merupakan elemen utama kemenjadian manusia. Nilai akhlak menjadi asas penciptaan manusia. Manusia akan disanjung dan dipuji disebabkan akhlak yang terbina. Islam mementingkan pembentukan akhlak mulia sehingga membandingkan manusia dengan haiwan ternakan akibat daripada kerusakan akhlak dan nilai yang menjadikan manusia lebih rendah taraf dan harga dirinya di sisi Allah taala. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.” (surah al-A'raf:179).

Banyak kajian yang dilakukan oleh penyelidik berkaitan fenomena kerusakan akhlak serta faktor-faktor yang menyumbang kepada kebejatan akhlak di Malaysia. Kebejatan akhlak dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia yang semakin rumit disebabkan menguatamakan kebebasan individu dalam segenap kehidupan. Hidup yang diwarnai dengan suka ria dengan melanggar batas-batas yang digariskan oleh agama dan melanggar nilai moral sejagat. (Husin, 2020). Fenomena ini akan menghidupkan budaya hedonisme dalam masyarakat apabila berlaku ketidak seimbangan pembangunan material dan juga pembangunan kemanusiaan. Hasilnya, berlakulah gejala sosial seperti zina, rasuah, judi, arak, membunuh, hasad dengki, bakhil dan sebagainya. (Hamzah, 2016). Media sosial juga berperanan menyumbang kepada kerusakan akhlak di Malaysia. Menurut kajian Ismah, kerusakan akhlak berlaku apabila penggunaan

media sosial yang tidak dikawal dan sukar membezakan perkara yang baik dan buruk kesan penggunaan media tersebut. (Azizan, 2021).

Selain itu, kerosakan akhlak berpunca disebabkan kejahilan manusia tentang hakikat ilmu dalam sistem pendidikan masa kini. Menurut Md. Asham (2023), Kerosakan ilmu berpunca daripada kerosakan sistem pendidikan yang sedia ada. Sistem pendidikan yang rosak akan melahirkan pemimpin dan warga yang rosak dan akhir membentuk tindakan yang rosak. Maka tindakan yang sebaiknya ialah memperbetulkan segala salah faham terhadap hakikat dan sifat ilmu dan di atas asas itulah dibina pendidikan Islam.

Sistem pendidikan moden hari ini khususnya pendidikan Barat memberikan penilaiannya yang tinggi kepada kemampuan akal, empiris dan rasionalis sehingga nilai moral dan agama dipinggirkan. Bahkan, sistem pendidikan yang dominan di negara orang Islam sekarang pun rata-rata diwarnai oleh sistem ini. Begitu juga dalam sistem pendidikan di Malaysia, berbagai usaha dilakukan bagi mengatasi dualisme dalam sistem pendidikan negara. Maka penyelesaiannya ialah kembali kepada pendekatan Islam (Othman, 1996). Dalam hal ini, al-Attas (2007) turut menyatakan bahawa cabaran yang dihadapi oleh umat Islam ialah kerosakan ilmu. Ianya berlaku akibat kekeliruan umat Islam mengenainya serta juga meresapnya bermacam pengaruh yang datang dari falsafah dan sains serta cara dan gaya ekonomi, politik, kebudayaan dan tamadun Barat moden.

Persoalannya, apakah ilmu sains menjadi musuh kepada Islam? Apakah perbincangan ilmu sains atau ilmu keduniaan itu asing daripada tradisi ketamadunan Islam? Oleh itu, umat Islam mesti menyelesaikan isu kerosakan akhlak ini, sama ada ancaman gaya hidup bebas, meluasnya budaya hedonisme atau kerosakan ilmu itu sendiri.

Justeru, kemunculan Badiuzzaman Said Nursi di akhir kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniah di abad ke 20, turut menyumbang dalam menyelesaikan masalah ummah khususnya dalam konteks kecelaruan sistem pendidikan umat Islam pada masa itu. Nursi mengemukakan beberapa penyelesaian terhadap kerosakan akhlak yang berlaku dalam kalangan umat Islam seluruhnya. Nursi berjuang sepenuh jiwa dan raga semata-mata atas nama kemuliaan al-Quran dan menyuburkan iman. Menurut Nursi (2011e), faktor pertelingkahan di kalangan ilmuwan Islam itu sendiri yang merencatkan penyuburan proses pendidikan umat Islam. Golongan agamawan yang tradisionalis dan ilmuwan yang moden saling bermusuhan dan memperbodohkan antara satu sama lain. Beliau berusaha mencantumkan dan memperbaiki antara sekolah agama (al-diniyyah), sekolah sains (al-hadithah) dan sekolah tarekat (al-takaya). Sekurang-kurangnya bersatu dalam mencapai tujuan (al-maqsad). Apabila ia tidak disatukan mengakibatkan rasa ketaksuban yang melampau yang membawa kepada ifrat (terlampau mengetat) dan tafrit (terlampau memudah). Sama ada dengan menyesatkan mereka atau dari pihak yang lain menjahilkan mereka.

Nursi (2010) menyebutnya sebagai suatu halangan dan bala yang menimpa umat Islam apabila bertembungnya zahir Islam dengan beberapa permasalahan dalam ilmu pengetahuan (salah faham berkaitan ilmu moden). Salah faham serta keraguan tentang hakikat ilmu menyuramkan lagi sinar Islam. Bagaimana mungkin hamba boleh melawan tuannya, sedangkan Islam adalah tuan kepada ilmu-ilmu yang ada (termasuk ilmu sains moden). Kedua-dua cabang ilmu ini sebenarnya masih dibawah lingkungan ilmu Allah SWT. Jalan terbaik ialah dengan menghimpun dua unsur utama iaitu jalan akal dan jalan hati bersekali. Menurut Nursi (2011d), akal sentiasa berdamping dengan hati dalam perjalanannya. Hati mencapai musyahadah

(penyaksian) dengan bantuan akal, manakala akal berfungsi membuktikan melalui al-tamthili (perumpamaan sekitar alam al-kawn) yang ada. Hanya Allah yang Maha Menguasai segala yang di bumi dan di langit. Said Nursi memberikan perumpamaan yang cukup jelas. Ilmu agama diumpamakan cahaya hati, manakala ilmu sains moden diumpamakan cahaya akal. Gabungan kedua-dua ilmu ini akan terserlahlah hakikat kebenaran. Maka akan terlerailah kejumudan, keegoan, ateisme serta ketaksuban terhadap disiplin ilmu masing-masing (Nursi, 2010; Tatli 1992; Wahidah, 1997). Nursi sendiri mempraktikkan sistem ini di sekolahnya iaitu “Sekolah Khur Khur”. Manakala karya Risalah al-Nur merupakan pendekatan integrasi menggabungkan ilmu agama dan ilmu sains moden (Urkhan, 1995).

Berdasarkan perbincangan di atas, keperluan terhadap pembentukan akhlak yang selari dengan kehendak agama mesti diutamakan. Memahami nas-nas syarak serta penyelesaian melalui pemikiran ulama muktabar menjadi asas kepada kejayaan ini. Oleh itu, kajian ini penting dalam menyelesaikan isu gejala sosial di Malaysia berdasarkan saranan Said Nursi dalam kitab beliau Risalah al-Nur.

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kepustakaan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif bagi mengkaji pemikiran Said Nursi khususnya dalam mencari penyelesaian terhadap kerosakan akhlak umat Islam kini. Sumber utama kajian ini berdasarkan idea asal Said Nursi dalam tafsir Risalah al-Nur. Manakala sumber kedua diperolehi melalui penelitian terhadap kajian-kajian lepas seperti tesis, buku, jurnal, artikel serta bahan-bahan yang berkaitan. Data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kerangka analisis kandungan. Kaedah ini sesuai kerana ia meneliti penyelesaian kerosakan akhlak yang diambil terus daripada nas al-Quran dan juga al-Sunnah serta idea ulama Islam seperti Said Nursi. Dapatan dan analisa yang terkandung dalam penulisan ini boleh dijadikan sebagai salah satu sumbangan akademik dan rujukan secara umumnya dalam mengembalikan kekuatan umat Islam masa kini serta sebagai panduan dalam menyelesaikan kerosakan akhlak dalam kalangan masyarakat di Malaysia khususnya.

Diskusi Dan Perbincangan

Tafsir Risalah Al-Nur

Risalah al-Nur adalah argumen yang luar biasa dan tafsir yang sangat berharga terhadap al-Qur'an al-Karim. Ia merupakan sebuah kilatan yang memukau dari kemukjizatan maknawi al-Qur'an, merupakan setetes dari samudera al-Qur'an, secercah cahaya dari surya al-Qur'an, sebuah hakikat yang terilham dari khazanah ilmu hakikat. Risalah al-Nur juga merupakan terjemahan maknawi yang bersumber dari limpahan makna Al-Qur'an (Nursi, 2010; Nursi, 2011a). Dalam Sirah Zatiyah, Nursi (2010) menyebutkan bahawa Risalah al-Nur bukanlah cernaan daripada pemikiran Nursi, akan tetapi ianya adalah ilham daripada Allah s.w.t. yang dilimpahkan ke dalam hati beliau daripada nur al-Qur'an.

Pentakrifan di atas menggambarkan bahawa Risalah al-Nur adalah penafsiran terhadap makna-makna al-Qur'an yang membahas masalah-masalah mendasar dalam kehidupan manusia. Risalah al-Nur dapat membangun keyakinan-keyakinan keimanan dengan menepis pemahaman-pemahaman keliru dan sikap-sikap yang lemah. Risalah al-Nur membahas sekitar makna-makna tauhid dengan berbagai argumen, hakikat akhirat, kebenaran kenabian, keadilan syariah dan makna-makna lain yang menjadi tema utama al-Qur'an. Ia juga turut membahas

tentang hal-hal yang berkaitan dengan dakwah, kecintaan kepada Nabi SAW, kerinduan pada akhirat dan berbagai permasalahan sosial dan juga politik.

Menurut Mullazkirdi (1983), Risalah al-Nur menjadi mukjizat daripada sekian banyak mukjizat al-Quran, membebaskan dan memantapkan iman dengan bukti-bukti yang kukuh dan dalil-dalil yang pelbagai bagi memantapkannya. Ia juga menyinari zaman ini dan selepasnya, mampu menjawab keseluruhan keperluan iman, Islam, pemikiran, roh, hati dan akal manusia dengan jawapan yang memuaskan.

Justeru, Said Nursi mengarang Risalah al-Nur sebagai penyelamat kepada kerosakan akhlak umat Islam khususnya di zaman Turki moden. Kegilaan Mustafa Kemal menjadi Barat sebagai kiblat banyak kerugian umat Islam dalam bidang keagamaan, sosial, ekonomi dan politik yang akhirnya membawa kepada kemunduran Turki.

Konsep Akhlak Islam

Islam agama rahmat. Agama Islam adalah agama yang menjamin kebaikan dan kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Intipati ajaran Islam pula meliputi akidah, syariat dan akhlak. Oleh sebab itu, Muslim yang baik akan mengambil ketiga-tiga elemen ini sebagai penanda aras menjadi insan yang mulia. Al-Quran diturunkan adalah untuk mengajarkan manusia tentang semua perkara termasuklah pembinaan akhlak insan. Terdapat sebanyak 1054 potong ayat yang membicarakan tentang akhlak, sama ada dari aspek teori dan juga praktikalnya. Kadar ini menyamai hampir satu perempat (1/4) ayat-ayat yang terkandung di dalam al-Quran. (Shaik Abdullah, 2020). Oleh itu manusia perlu didik dengan akhlak yang baik agar matlamat penciptaan manusia itu dapat direalisasikan iaitu untuk beribadat kepada Allah SWT. Firman Allah yang bermaksud:

“Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia, melainkan supaya mereka menyembah (beribadat) kepadaKu”

(surah al-Dzariyat:56).

Sabda Nabi SAW yang bermaksud:

"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."

(hadis riwayat al-Bukhari).

Hadis ini menekankan akhlak baik yang menjadi keutamaan bagi setiap manusia di dunia ini. Kerosakan akhlak mengakibatkan manusia hilang arah dan akan meletakkan manusia kelembah yang paling hina. Dalam ayat yang lain, kerosakan akhlak menjadikan manusia lebih sesat daripada binatang.

Manusia adalah makhluk yang paling istimewa dan unik berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain. Unsur roh, hati, nafsu dan akal menjadikan penciptaan manusia amat berbeza dengan penciptaan-penciptaan yang sedia ada. Apabila manusia dapat mengolah keempat-empat unsur itu kepada kebaikan dan mencapai redhaNya, maka tercapailah matlamat tertinggi kejadian manusia iaitu untuk hidup beribadat dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Unsur-Unsur ini juga menjadi cerminan terhadap siapa diri insan itu sendiri. Imam al-Ghazali menggunakan keempat-empat istilah ini roh, nafsu, akal dan hati, seolah-olah boleh bertukar ganti antara satu sama lain (latifah rabbaniyyah ruhaniyyah) yang ada dalam diri manusia dan merupakan jati diri atau hakikat sejati dirinya (Stapa, 2004).

Menurut al-Ghazali (t.t) dalam Risalah al-Hikmah fi Makhluqat Allah ‘Azzawajalla ada menyebut, setiap penciptaan yang pelbagai ahwal itu, bukan berlaku secara begitu sahaja. Maka di setiap penciptaan manusia dan alam seluruhnya, terdapat hikmah dan ilmu yang tidak terjangkau oleh akal manusia termasuklah kemuliaan kejadian manusia itu sendiri. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah memberikan mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan”.

(surah al-Isra’: 70).

Ibn Kathir (2000) menjelaskan maksud “Kemuliaan anak-anak Adam” iaitu seelok-elok kejadian dan kesempurnaannya berbanding makhluk lain. Begitu juga dianugerahkan pendengaran, penglihatan dan juga hati (*fu’ad*) serta mengambil kefahaman, kemanfaatan, mengenali kewajaran dan kemudharatan dalam urusan dunia dan juga akhirat.

Namun, kemuliaan ini akan berubah menjadi kehinaan apabila manusia tidak mampu menjadikannya untuk mencapai keredaan Allah SWT. Merujuk sejarah asal kejadian manusia, setelah ditiupkan roh, manusia mempunyai dua rupa bentuk, insan jasmani (berbentuk lahiriah dan kasar) dan insan nafsani (berbentuk halus dan ghaib). Walaupun berbeza sifatnya, namun Allah berkuasa menyatukannya dalam satu wadah. Insan nafsani menjadi nakhoda kepada insan jasmani, sekiranya insan nafsani bergerak dengan merosakkan bahteranya, maka akan berlaku punca kepada krisis manusia di dunia, serta menjadi kerugian besar di akhirat (Yasin, 1991). Oleh sebab itu, insan nafsani hendaklah dipelihara kerana di situ adalah tempat bersarangnya keimanan. Keindahan dan kecantikan insan nafsani kerana ia adalah hiasan daripada akhlak yang indah dan mulia. Bentuk keindahan insan nafsani inilah yang akan kekal abadi selepas kematian insan jasmaninya. Banyak diceritakan di dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW tentang keserian dan keindahan wajah orang yang salih dan juga kebodohan dan kehitaman wajah orang yang menderhaka Allah dan RasulNya (Din, 2010). Apabila insan nafsani tidak menjalankan fungsinya dengan baik, maka ia akan melemahkan iman insan itu sendiri.

Keruntuhan Akhlak Umat Islam

Keruntuhan akhlak juga berhubungkait dengan kelemahan jiwa insan itu sendiri. Kelemahan mengawal nafsu akan menjerumuskan manusia kepada perlakuan yang menyalahi syarak. Menurut Nursi, punca permusuhan yang berlaku di kalangan manusia hari ini disebabkan kealpaan manusia tentang hakikat nafsu dan sifat-sifatnya serta gagal untuk mendidik, menjaga dan menyucikannya (al-Akiwi, 2011). Apabila nafsu tidak terjaga, maka mudah untuk dihindangi penyakit-penyakit hati. Nursi (2011b) telah menyebut, “apabila tipu daya (*ghurur*) dan keegoan (*ananiyyah*) mendiami dalam diri, maka akan berlakulah perbalahan dan perselisihan menggantikan permuafakatan dan kasih sayang serta tiada keikhlasan”.

Bagaimana untuk membentuk akhlak manusia yang bertakwa di sisi Allah SWT sedangkan acuan didikan yang dibentuk itu menyalahi tasawur Islam. Maka akan lahir manusia yang rosak akhlaknya atau pun manusia yang baik namun dinilai dari sudut pandang yang pelbagai. Kepelbagaian pandangan ini pula melihat kepada latar kehidupan, keperluan serta matlamat yang ingin dicapai. Sebagai contoh, matlamat pendidikan di Barat berusaha melahirkan warganegara yang baik, namun dalam Islam matlamat pendidikan untuk membentuk manusia

yang bertakwa kepada Allah SWT. Oleh itu, pendidikan yang sebenarnya merupakan pendidikan yang menyeluruh terhadap unsur jiwa manusia, akal dan jasmani yang terangkum dalam kemuliaan manusia. Semua ini akan berpadu menggerakkan akhlak yang baik di sisi Allah SWT. Namun tidak ramai yang dapat mengawal dan merangkumkan unsur-unsur tadi membentuk akhlak yang baik. Ada juga insan yang hanya mementingkan unsur nafsani dan mengabaikan unsur jasmani. Untuk itu, insan nafsani hendaklah menjadi nakhoda kepada insan jasmani, sekiranya insan nafsani bergerak dengan merosakkan bahteranya, maka akan berlakunya krisis manusia di dunia, serta menjadi kerugian besar di akhirat. (Yasin, 1991).

Justeru itu, kerosakan hati seperti mana yang dibangkitkan oleh Nursi itu semakin melebar dan terus menjalar menjadi krisis umat Islam seluruh dunia (Nursi, 2011b). Hal yang sama dijelaskan oleh al-Nadwi sebagai masalah dalaman umat Islam yang semakin parah yang mampu menggugat akar keimanan umat Islam itu sendiri. Apa yang diutarakan ini sebenarnya menunjukkan kelemahan unsur dalaman umat Islam yang sudah pasti akan dikaitkan dengan nafsu, akal, jiwa dan juga hati yang tidak berfungsi sebaik mungkin kepada tuannya. Kelemahan hati menular membentuk akhlak yang buruk dan akhirnya mencukupi membentuk seorang Muslim yang lemah iman dan sahsiahnya. Dengan itu, mudah bagi kolonial Barat untuk menjajah umat Islam. Akhirnya, terhasil satu sindrom kronik seperti yang diterjemahkan oleh Malik Bennabi “kesediaan dan kerelaan umat Islam untuk dijajah”(Fadzil, 2001).

Menyedari penyakit yang rancak melanda umat Islam kini, cendekiawan Islam bangkit berhimpun membincangkan dan mencari jalan untuk menyelesaikan kekusutan ini sama ada melalui perbincangan ilmiah, penulisan buku-buku dan makalah tentang kesedaran pendidikan Islam dalam konteks yang asli serta mencari perawatan terhadap permasalahan yang berlaku. Perbincangan demi perbincangan dibuat bagi merealisasikan matlamat pendidikan umat Islam. Kepelbagaian kekayaan sesetengah negara Islam serta keunikan masyarakat Islam seluruh dunia masih belum mampu membangkitkan kembali pendidikan umat dengan sistem yang penuh sempurna.

Rentetan daripada itu, berlakulah Persidangan Pertama Sedunia Mengenai Pendidikan Islam yang pertama di adakan di Mekah seperti yang dibincangkan di atas. Seterusnya Persidangan Untuk Menyelesaikan Masalah Ummah di Switzerland. Kedua-duanya berlangsung pada tahun 1977. Diikuti Persidangan Pendidikan di Islamabad tahun 1980, Dhaka tahun 1981, Jakarta tahun 1982, dan Kaherah tahun 1985. Begitu juga persidangan berkaitan Islamisasi Ilmu di Islamabad tahun 1982, Kuala Lumpur tahun 1984 dan Khortoum tahun 1987 dan Durban, Afrika Selatan 1996. Persidangan-persidangan tersebut telah menegaskan bahawa setiap Muslim bertanggungjawab menangani masalah dualisme dan sekularisme dalam pendidikan dan kehidupan. Kedua-dua masalah ini perlu di atasi melalui pendidikan yang bersepadu dan ilmu yang bersepadu (Othman, 1996). Begitu juga, permasalahan ini turut diketengahkan oleh cendekiawan Islam di Malaysia yang mengenal pasti bahawa kelemahan umat Islam dewasa kini adalah disebabkan kelemahan dalam sistem pendidikan dualisme iaitu sistem pendidikan yang bersifat tradisional keagamaan semata-mata dan dari sudut yang lain pengkajian sains moden Barat yang bersifat sekular, yang masih berlaku di negara orang Islam sendiri. Sistem pendidikan tersebut telah menyebabkan para pelajar Muslim terpisah daripada visi Islam dan sekali gus jauh daripada sejarah keagungan tamadun dan peradaban Islam (Omar, 2005).

Bermula dengan krisis pendidikan dan akhirnya membawa kepada kecelaruan akhlak umat Islam. Hal ini mesti ditangani secara menyeluruh sama ada daripada pihak kerajaan, kementerian serta agensi pelaksana di peringkat sekolah dan juga universiti. Kelemahan pihak

berwajib dalam menangani isu ini akan membawa kepada kerosakan akhlak umat Islam yang tidak berkesudahan. Oleh itu, keruntuhan akhlak umat Islam boleh diselamatkan dengan membangunkan sistem pendidikan yang terbaik bagi umat Islam itu sendiri bertepatan dengan sosio budaya umat yang beragama. Memahami agama yang sebenar akan menjauhkan umat Islam daripada melakukan perlakuan yang menyalahi agama serta menjauhi perkara yang melanggar fitrah keinsanan seperti perbuatan zina, seks bebas, arak dan seumpamanya.

Pembentukan Akhlak Menurut Said Nursi Dalam Risalah Al-Nur

1) Memahami hakikat kejadian manusia

Menghayati kehebatan hakikat kejadian manusia akan membawa jiwa nurani hamba kepada Pencipta sebenar yakni Allah SWT. Sesungguhnya bertafakur tentang hakikat kejadian manusia mampu membentuk perilaku manusia untuk mencapai keredaan Allah SWT. Unsur-unsur utama kejadian insan terdiri daripada roh, nafsu, hati dan akal. Imam al-Ghazali menggunakan keempat-empat istilah ini seolah-olah boleh bertukar ganti antara satu sama lain (latifah rabbaniyyah ruhaniyyah). Beliau merujuk kepada hakikat diri itu sendiri (Stapa, 2004). Seterusnya, unsur ini digabungkan membentuk manusia yang memiliki pelbagai keistimewaan. Menurut al-Tahanawi (1988) dalam al-Kasyaf, di antara unsur-unsur yang disebutkan itu tidak boleh diabaikan atau dianggap tidak penting dalam keperluan asasi manusia, bahkan dianggap saling melengkapi antara satu sama lain dalam bentuk keseimbangan (موازنة) yang sempurna seperti yang digariskan oleh Allah SWT.

Setiap unsur ini akan berfungsi mengikut pembawaan dan hala tuju serta matlamat insan itu sendiri. Apabila hati memainkan peranannya selaras dengan tuntutan ilahi, maka akan terzhirlah sifat baik seorang insan. Nursi (2011c) menyebut, “hati diibaratkan pusat kepada seluruh anggota badan, inti pati segala pergerakan juga alat tawajjuh (konsentrasi) kepada Allah SWT. Ia hendaklah diisi dengan latifah keinsanan yang mampu menzhirkan hakikat keinsanan yang sebenar”. Menurut al-Ghazali, manusia terdiri daripada badan atau jasmani dan hati. Hati merupakan hakikat roh yang memberi pengetahuan makrifat kepada Allah, dan bukannya daging yang sekadar darah atau daging yang juga dimiliki oleh binatang buas atau orang yang sudah mati sekalipun (al-Ghazali t.t.; al-Ghazali, 2000). Nada yang serupa diutarakan oleh Ibn Rejab al-Hambali, bahawa manusia pada hakikatnya berasal dari dua unsur iaitu roh dan jasad. Roh ini melekat dalam badan umpama sesuatu yang satu (syai'un wahid). Keduanya tidak akan terpisah kecuali kematian atau pun tidur (al-Hijaji, 1996). Merujuk pandangan Syah Waliyullah, bahawa hakikat insan itu terdiri daripada dua daya (faculties) dalam diri manusia, iaitu daya malaikat (malakiyyah) dan daya kebinatangan (al-bahimah). Manakala kebahagiaan pula apabila dapat meletakkan daya malakiyyah mengatasi daya kebinatangan. Namun, apabila berlaku sebaliknya, ia akan menjadi semakin buruk dan merosakkan diri (Jalbani, 1982).

Justeru itu, pembentukan insan yang mewakili jasmani, rohani, akal dan hati adalah yang paling mulia berbanding penciptaan yang lain. Kelangsungan fungsi dan pembawaan yang elok oleh insan itu sendiri diharap memenuhi kehendak zaman yang berkecamuk pada masa itu. Ianya memenuhi kriteria pembentukan insan dan tanggungjawab yang sebenarnya dalam setiap aspek kehidupan manusia, sepertimana yang disempurnakan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW suatu ketika dahulu (al-Ansari, 2003). Oleh itu, usaha yang bersungguh-sungguh diperlukan untuk membentuk insan berlandaskan al-Quran dan qudwah hasanah daripada junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Walaupun ia amat sukar, namun itulah sebahagian amanah yang terpikul kepada insan yang bergelar khalifah di dunia ini. Menurut al-Qardawi

(1996), membentuk insan lebih rumit berbanding membentuk bangunan, sekolah dan sebagainya. Kerana pembentukan insan melibatkan pembentukan unsur-unsur jiwa, hati dan pemikiran yang diketahui mempunyai keinginan dan kecenderungan yang pelbagai.

Berdasarkan teori pendidikan akhlak imam al-Ghazali, badan dan jiwa hendaklah saling berusaha mencapai kesempurnaan. Apabila jiwa sudah sempurna dan bersih, maka perbuatan badan akan menjadi baik. Begitu juga badan yang menimbulkan kesan-kesan yang baik, maka akan tumbuh dalam jiwa tingkah laku yang baik dan diredai Allah (al-Ghazali, 1983). Kesan-kesan itu pula adalah hasil tindakan insan yang berusaha membentuk diri ke arah kebaikan hakiki. Jika kekuatan luaran, mereka boleh membersihkannya dengan memastikan makanan dan pakaian yang bersih dan bebas dari sebarang bentuk najis. Manakala untuk membersihkan kotoran dalam, mereka perlu memperbanyakkan amalan muhasabah diri, berzikir dan bertaubat. Allah SWT sentiasa memberi jaminan bahawa pintu-pintu taubat terbuka luas untuk hambaNya (Yusuf, 2013).

Memahami hakikat diri menaikkan kedudukan (maqam) hamba kepada yang lebih tinggi sehingga kepada maqam al-uns (kejinakan). Nursi (2011c) menukilkan, “maqam ini akan tercapai apabila hamba dapat mengikhlaskan diri dari kejahatan nafsu, menjauhi dari mementingkan diri, dapat bersatu pada perjalanan suluk dan menikmati al-uns (kejinakan jiwa) secara maknawi di alam dunia dan juga alam barzakh. Untuk mencapainya, seseorang itu hendaklah menghindari diri dari segala bentuk keraguan-keraguan (al-awham) dan yang menyerupai dengan nafsu”. Berdasarkan kenyataan ini, nafsu hendaklah diuruskan dengan baik agar tidak terjerumus kepada perkara-perkara yang meragukan serta jatuh kepada syubhah. Menurut Nursi (2011b), “apabila nafsu dan keegoan mendiami diri, maka akan berlakulah perbalahan dan perselisihan dalam masyarakat menggantikan kasih sayang dan tiada lagi keikhlasan”.

Berdasarkan perbincangan di atas, hakikat kejadian manusia itu sendiri sebagai momentum ke arah usaha-usaha ketaatan kepada Allah SWT secara berterusan. Mengabaikan fungsi jasmani, rohani, akal dan nafsu yang menjadi batang tubuh insan itu sendiri akan mengheret insan kepada kerugian di dunia dan kecelakaan di akhirat. Oleh itu, dengan memahami hakikat kejadian manusia akan mengembalikan manusia kepada fitrah dan rasa beragama. Akhirnya suasana beragama akan menghilangkan sifat keji dan dosa dalam diri manusia.

2) Menghayati kepentingan Asma' al-Husna

Asma' al-Husna bermaksud nama-nama Allah yang terbaik. Walaupun begitu, Allah mempunyai banyak nama-nama yang tak terhitung banyaknya seperti yang disebutkan dalam al-Quran dan juga direkodkan dalam sunah Nabi SAW (Nasyriq, et al., 2007). Asma' al-Husna ini sekiranya difahami dan diteliti maksudnya boleh membentuk akhlak Muslim, menginsafi kekurangan diri dan boleh memotivasikan diri untuk maju ke hadapan. Oleh itu, kefahaman terhadap pengertian nama-nama Allah SWT yang indah ini dan pengaruh penghayatannya dalam mencorakkan kehidupan manusia dan ia amat perlu dimiliki oleh setiap Muslim (Hamat, 2010). Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-namaNya. mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan”.

(surah al-A'raf: 180)

Menurut al-Zamakhshari (1998), Asma' al-Husna adalah seelok-elok nama kerana menunjukkan kepada makna-makna yang baik sebagai tamjid wa taqdis Allah SWT. Manakala melampau terhadap nama-nama Allah adalah dilarang seperti (yang dilakukan oleh kaum Musyrikin yang) menamakan berhala mereka dengan nama Allah dan menamakan patung al-Lata (اللات) daripada pecahan kalimah Allah dan nama al-'Uzza (العزى) daripada kalimah al-'Aziz dan sebagainya.

Menurut Abd Hamid (2011), apabila meneliti maksud al-Khaliq, al-Wahhab, al-Razzaq dan al-Qawiyy memantapkan jiwa dengan unsur akidah, manakala mendalami maksud al-'Alim, al-Qahhar, al-Hakim dan al-'Adl dapat memantapkan syariat dan ketamadunan manusia. Dalam contoh yang lain, memahami maksud al-Rahman, al-Rahim, al-Ghaffar dan al-Tawwab dapat memberikan suatu kekuatan roh dan terus istiqamah beribadat kepada Allah SWT. Bertepatan dengan kenyataan ini, Allah SWT menyebutkan sifat al-Rahman secara jelas di dalam ayat yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): "serulah nama " Allah" atau nama "al-Rahman", yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia". dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu”.

(surah al-Isra':110)

Asma' al-Husna dalam ayat di atas bukan merujuk kepada satu nama sahaja daripada dua nama tersebut (Allah dan al-Rahman), tetapi merujuk kepada keduanya. Yakni merujuk kepada zat Allah SWT itu sendiri. Maksudnya berserulah dengan mana-mana nama itu (Allah atau al-Rahman) yang semuanya baik (al-Zamakhshari, 1998).

Nursi (2011b) mengaitkan amalan hamba yang salih dengan Asma' al-Husna tersebut. “Hamba akan mencapai satu tahap di mana ia dapat menghimpunkan 99 biji dari biji-biji yang di tuai bersekali 99 alam dari alam-alam (al-kawniyyah) yang ada, kemudian menjelma kepada 99 nama dari nama-nama Allah yang baik (Asma' al-Husna) seumpama murid al-Quran di kalangan wali-wali Allah yang soleh seperti Syeikh al-Jilani, Syeikh al-Rafi'i dan Syeikh al-Syazili iaitu dalam mempraktikkan Asma' al-Husna dalam wirid-wirid mereka”.

Sememangnya Asma' al-Husna ini menjadi kunci kepada hamba untuk sampai kepada kesempurnaan. Bagi mencapai tujuan itu, berzikir dan bertafakur dengan nama-nama Allah SWT amatlah dituntut. Faedah berfikir dan bertafakur ini direkodkan oleh Nursi (2011c) dalam al-Maktubat yang menyebut, “faedah akhirat zikir dan tafakur ini ialah dapat melonjakkan hamba untuk sampai kepada kesempurnaan. Manakala faedah di dunia ialah dapat menghilangkan perasaan keji dan melunaskan sebahagian keperluan hamba”. Keterangan ini menjelaskan lagi bahawa berdoa kepada Allah bagi menyelesaikan kesulitan hamba di dunia berpandukan Asma' al-Husna amat disarankan dalam agama.

Namun perlu diberi perhatian, bahawa zikir dan tafakur itu mestilah betul dan mengikut disiplinnya yang tertentu. Menurut al-'Akiwi (2011), apabila mengambil zikir tanpa tafakur akan menghalang menikmati kelazatan hidup dan nikmat dunia. Manakala dengan mengambil tafakur dan meninggalkan zikir kepada Allah boleh membawa kepada faham Atheis dan Zindik. Oleh itu, hamba perlukan kepada ilmu untuk menjalankan ibadah ini.

Sifat ilmu ini merupakan sifat yang paling ideal dan manusia boleh menjadikannya sebagai ukuran kesempurnaan. Menurut Gazalba (1983), Allah SWT pula bersifat dengan al-'Ilm yakni

Maha Mengetahui setiap perkara zahir dan batin, yang telah dan yang akan berlaku. Daripada sifat ilmu ini mencetus kepada makrifat Allah yang lebih tinggi. Di samping itu, Asma' al-Husna juga di bincangkan di bawah subtopik ketuhanan (al-ilahiyyat), kerana ia berkait rapat dengan pencapaian makrifat Allah seperti yang disebut dalam kitab-kitab terdahulu. Mereka menjelaskan bahawa Asma' al-Husna dapat membantu manusia mencapai makrifat Allah seperti yang diterangkan dalam al-Quran dan al-Sunah (Hamat, 2010).

Dalam penelitian al-Ansari (2003), makrifat Allah SWT akan dapat dicapai dengan meneliti segala penciptaan alam, dengan mengkaji setiap kejadian alam serta dengan menghayati Asma' al-Husna. Maka al-kawn yang menjadi objek penelitian untuk mencapai makrifat Allah itu akan mengembalikan hamba kepada Allah sekali gus mengiktiraf bahawa Allah sahaja yang menciptakan itu semua. Ini diterangkan oleh al-Sya'rawi (1999) sendiri, kalau bukan Allah yang menciptakan al-kawn itu, mana mungkin ia boleh mengetahui rahsia-rahsia seluruhnya, mengetahui ayatuhu wa mu'jizatuhu di alam ini.

Nursi (2011c) juga mengalami pengalaman sebegini. Peristiwa ini dinukilkan dalam al-Maktubat, "suatu malam yang hening di atas bukit Jamm, beliau memerhatikan ke arah langit yang indah dengan dihiasi bintang-bintang yang bergemerlapan. Sesungguhnya ia amat mendatangkan iktibar dan pengajaran kepada mereka yang menyaksikannya. Sebenarnya kejadian alam al-kawn semua sebagai kemudahan kepada manusia iaitu untuk mempamerkan (kekuasaan) Allah SWT kepada manusia. Matahari bumi, angin, hujan, haiwan dan sebagainya tunduk mentaati Allah untuk berkhidmat serta memberi kemudahan kepada manusia (al-Sya'rawi, 1999).

Dengan berbagai-bagai nikmat dan kemudahan yang Allah kurniakan itu hendaklah manusia mensyukurinya. Jangan terlalu asyik dengan kemudahan dunia tersebut sehingga melupakan Allah. Nursi (2011c) mengingatkan kepada semua akan hal ini seperti disebutkan dalam al-Maktubat, "orang yang hanyut, asyik dan sesat dengan rezeki semata-mata tanpa menghiasinya dengan sifat syukur kepada Allah SWT umpama mewarisi sifat kehaiwanan. Oleh itu, nafsu syahwat manusia hendaklah dikawal agar ia tidak mengarah kepada asyik dan sesat dengan keduniaan itu tadi. Dalam hal ini, Qutb (2000) menyebut bahawa pandanglah syahwat itu sekadar diperlukan tanpa leka dan tanpa membenamkan diri di dalamnya. Justeru itu, setiap insan hendaklah berhati-hati dengan mainan nafsu syahwat ditakuti tergelincir kepada amalan kemaksiatan dan menjauhkan manusia untuk menghayati Asma' al-Husna.

Berdasarkan perbincangan ini, menghayati makna Asma' al-Husna adalah ramuan terbaik dalam proses pembentukan akhlak yang mulia dan memperhaluskan lagi budi pekerti manusia itu sendiri. Melalui Asma' al-Husna ini akan mencetuskan penghayatan akidah yang mantap, kemudiannya difahami dan dibentuk menjadi amalan insan seharian yang dinamakan sebagai akhlak terpuji yang memenuhi kriteria syarak.

3) Memanfaatkan ilmu pengetahuan

Ilmu pengetahuan menjadi asas dalam kehidupan manusia. Ilmu juga menjadi penggerak kepada pembangunan tamadun manusia. Masyarakat yang berilmu akan mendaki puncak ketamadunan, manakala masyarakat yang jahil akan ketinggalan dalam semua hal sama ada urusan dunia dan juga akhirat. Oleh sebab itu, ayat pertama yang diturunkan oleh Allah merujuk kepada galakan untuk membaca atas nama Allah SWT sebagai kunci kepada kemajuan manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).

(Surah al-‘Alaq: 1)

Menurut al-Zamakhshari (1998) dalam al-Kasyaf, suatu bacaan yang dimulai dengan nama tuhanmu yang bermaksud, “dengan nama Allah kemudian baca”. Manakala syekh al-Maraghi dalam tafsirnya menyebut jadilah seorang yang membaca dengan kudrat Allah dan iradatNya, sebagaimana Rasulullah SAW diarahkan untuk membaca walaupun baginda tidak tahu membaca dan menulis.

Apabila mengaitkan ilmu dengan saranan Allah, maka setiap apa yang diperintahkan dan apa yang dilarangkan itu mempunyai nilai dan hikmatnya yang tersendiri. Oleh sebab itu, saranan membaca yang dihuraikan oleh ilmuwan hendaklah disertai dengan pengamalannya sekali. Dalam hal ini, Yusuf (2010) merekodkan tentang nasihat imam al-Ghazali kepada muridnya:

“Wahai anakku! ilmu yang tidak disertai amal dinamakan gila, sebaliknya amal tanpa menggunakan ilmu adalah sia-sia. Ilmu semata-mata pasti tidak akan menjauhkan maksiat di dunia ini, tidak akan membawa kepada ketaatan dan di akhirat kelak ia tidak akan memelihara kamu atau menghindarkan kamu daripada neraka jahanam”.

Dikuatkan lagi dengan hujah ‘Abd al-Rahman al-Sa‘di yang menyatakan bahawa pendidikan berpijak kepada dua asas utama iaitu ilmu dan amal. Manakala tujuan akhir ialah melahirkan insan yang baik pada dirinya dan juga berupaya memperbetulkan orang lain. Seterusnya dapat mengenal pasti tujuan hidup manusia di dunia ini (al-Rasyudi, 2000). Kesepaduan ilmu dan amal amat diperlukan pada zaman ini. Menurut Sardar (1992) ilmu dan amal mestilah seiring dan sepadu dalam melaksanakan kewajipan agama. Maka orang yang mendapat kemuliaan paling utama ialah mereka yang mengajar dan mengamalkan ilmu pengetahuan. Hal ini selari dengan matlamat pendidikan itu sendiri untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia berlandaskan hikmah al-Quran. (Ayub, et al., 2012)

Ilmu pengetahuan asas kepada pembinaan insan yang sebenar. Kriteria ilmu yang mantap dan amal yang bersungguh-sungguh membentuk karakter seorang pendakwah yang berkaliber dan Mujaddid pada zaman tersebut. Sifat-sifat ini menjadi sinonim dengan perjuangan Said Nursi dan melayakkan beliau digelar seorang Mujaddid ummah. Menurut al-Mullazkirdi (1983) menggelarkan Said Nursi sebagai Mujaddid ummah melalui katanya, “tidak dianggap Mujaddid kecuali orang yang dapat menguasai ilmu zahir dan ilmu batin, menegakkan sunnah Nabi SAW. dan juga sanggup membanteras amalan bid’ah. Mujaddid juga adalah satu-satunya individu yang wujud di zaman itu dengan karakternya yang tersendiri seperti khalifah Umar Abdul Aziz dan juga imam al-Syafi’e yang diiktiraf oleh al-Muhaqqiqin, bahawa beliau merupakan orang yang paling mengetahui di zamannya.”

Perlu diingat bahawa orang yang memiliki maklumat semata-mata tidak melayakkan seseorang itu berilmu, apatah lagi sebagai seorang Mujaddid. Menurut Ismail (2011), maklumat mempunyai pelbagai jenis dan bentuk seperti angka, data, warna, corak, gambar, bunyi, suara lambang, teks dan lain-lain. Ia sebagai bahan mentah yang perlu diproses (yakni perlu disaring, dicerna dan diolah) sebelum layak dirujuk sebagai ilmu. Manakala ilmu sebetulnya melibatkan makna dan kefahaman. Yakni keterhasilan makna yang benar dalam dirinya. Makna yang mendalam terhadap hakikat ilmu yang mampu merubah diri insan kepada kebaikan dan hubungannya dengan Allah SWT. Justeru, lahirnya pelbagai metode pencarian ilmu dalam

aliran pemikiran Islam. Mengutip pandangan al-Ghazali dari aliran sufi contohnya. Kaedah mendapatkan ilmu bagi golongan ini ialah didahului dengan melatih nafsu dengan menghapus sifat yang tercela, melenyapkan penghalang kebaikan seluruhnya dan pemerhatian penuh menghadap Allah SWT. Hal ini amat sulit dan aneh bagi golongan ahli fikir, namun mereka tidak pula mengingkari metode tasawuf ini (al-Ghazali, 1983).

Nursi mempercayai bahawa penyelewengan akhlak yang berlaku pada zaman ini walaupun telah wujud ilmu kebendaan dan keinsanan ialah kegagalan untuk menghimpunkan unsur hati dan akal dalam amalan pendidikan yang sedia ada. Manusia lupa untuk menyuburkan akal dengan pengisian ilmu yang pelbagai dan penyuburan hati dengan pendidikan dan latihan akhlak (al-Akiwi, 2011). Oleh sebab itu, ilmu akhlak patut diajar di seluruh peringkat pendidikan sebagai suatu cara praktikal untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan membersihkan hati daripada sifat-sifat yang buruk (Hassan, 1988). Penyelewengan dari aspek kepelbagaian ilmu pula seperti yang dibangkitkan oleh al-Attas merujuk kepada konsep ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah yang tersalah tafsir oleh pihak-pihak tertentu yang menjadikan ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah itu sama taraf. Bahkan penekanan yang keterlaluan terhadap ilmu fardu kifayah sehinggakan mengabaikan fardu ain. Maka akan lahir manusia yang banyak mementingkan urusan duniawi berbanding urusan ukhrawi. Akibat berlakunya ketidakseimbangan antara pembangunan material dan spiritual insani, akhirnya menyuburkan budaya hedonisme dalam masyarakat Islam di Malaysia. (Hamzah, 2016).

Bahaya yang serupa apabila pendidikan sekular Barat dipraktikkan dalam sistem negara umat Islam. Ketaksuban Barat tentang akal dan penghasilan sains dengan menyampingkan nilai akhlak merupakan bencana kepada umat Islam. Hal ini turut dibangkitkan oleh al-Attas, bahawa kesan pensekularan ilmu ini akan meminggirkan peranan Islam dalam pembentukan peribadi Muslim yang sempurna. Selain mempromosikan faham kebangsaan, sistem pendidikan Barat juga telah membatasi peranan al-Quran dalam membentuk Insan Kamil. Ketaksuban terhadap akal sebagai satu-satunya saluran mencapai ilmu mempercepatkan lagi pensekularan ilmu di Barat. Gejala menjulang sesuatu saluran sehingga ke tahap mempertikaikan atau menafikan fungsi dan kepentingan saluran yang lain akan mewujudkan aliran melampau rationalism atau pun emparicism seperti yang berlaku dalam sejarah pemikiran Barat. Oleh itu, keseimbangan menilai saluran ini amat penting dalam membentuk perlakuan yang baik menurut syarak. Mengelak daripada itu, Hassan (1998) sekali lagi menyarankan bahawa ilmu sains tabi'e haruslah diawasi agar tidak terdorong kepada faham empirisisme dan rasionalisme. Soal beliau, "apakah erti kemajuan dan pembangunan yang dicapai dengan membayar harga yang terlalu mahal iaitu dengan meniadakan kewujudan, kehendak, kekuasaan dan aturan Allah dalam alam dan diri manusia?". Hakikatnya, apa yang dianggap sebagai "scientific truths", "conventional wisdom" atau "facts" itu sebenarnya sarat dengan nilai-nilai (value laden) yang bertentangan dengan akidah dan akhlak Islam dalam pengertian yang luas.

Pensekularan ilmu menjauhkan manusia untuk mengenali Allah, walhal segala al-kawn yang ada, menjadi tanda-tanda untuk mengenali Allah SWT (ayat Allah) di muka dunia ini. Nursi (2011a) dalam al-Kalimat menjelaskan hal ini dengan katanya, "setiap penciptaan baharu, pertukaran makhluk secara sistematik di pelosok Timur, pertukaran malam dan siang, perubahan musim bunga dan panas, perubahan masa dan zaman adalah tanda bahawa semua alam ini dimiliki oleh Pencipta Yang Maha Agung iaitu Allah SWT dengan penuh bijaksana sekali".

Kemuncak keilmuan dan keserjanaan pula bukan lagi diukur berdasarkan sejauh mana keberhasilan dapatan kajian atau sumbangannya kepada komuniti masyarakat, akan tetapi ia diukur sejauh mana keserjanaan itu boleh mengawal lataif al-jism untuk membawa diri dan masyarakat kepada keimanan hakiki kepada Allah SWT. Hal ini diperingatkan oleh Nursi (2011c) dalam al-Maktubat yang menyatakan, “ketinggian ilmu semata-mata tidak akan sampai kepada kemuncak keimanan. Namun, ia perlu disokong dengan lataif al-jism yang lain seperti roh, hati, sirr (rahsia-rahsia) dan nafsu. Sekiranya semua itu tidak diadun dengan baik, nescaya ia akan dibayangi oleh lataif yang jahat.

Menurut Nursi (2011b) keikhlasan hendaklah diterapkan dalam menuntut ilmu pengetahuan dan dakwah. Justeru, setiap yang menghalang sifat ikhlas seperti mementingkan diri dan nafsu ammarah hendaklah dijauhi serta membentuk jiwa dengan sifat ukhuwwah Islam yang tinggi. Nursi cuba menjelaskan sistem pendidikan moden dan tradisi keilmuan Islam bahawa hikmah (ilmu dan kebenaran) adalah keciciran umat Islam, sesiapa yang menjumpainya, maka ia berhak memilikinya, tidak kiralah ia datangnya dari Barat, Timur dan sebagainya. Oleh itu, tidak semua yang datang dari Barat itu buruk sifatnya manakala yang datang dari Timur adalah sebaliknya. Bahkan wajib meninggalkan setiap yang dicela dalam al-Quran walaupun dari Timur atau Barat. Justeru, ambillah kebaikan darinya sama ada ianya datangnya dari tamadun Rumawi atau tamadun Yunani (Yildirim, 1997).

Dapat disimpulkan di sini, nilai keilmuan yang hakiki mampu membentuk manusia ke arah kebaikan senilai dengan akhlak mulia yang dianjurkan dalam Islam. Apabila kecelaruan dalam memahami nilai ilmu, akan membawa kepada keraguan terhadap kebenaran ilmu yang datang daripada Allah SWT. Apabila ilmu tidak lagi diletakkan pada tempat yang sepatutnya, maka berlakulah keruntuhan akhlak umat Islam kini. Justeru, meninggalkan pertimbangan akal, hati, nafsu dan roh dalam memahami ilmu pengetahuan akan membawa kepada keruntuhan akhlak manusia serta kecelaruan berterusan yang tidak berkesudahan seperti mana yang berlaku di dunia Barat.

Kesimpulan

Keruntuhan akhlak adalah ancaman besar dalam mewujudkan masyarakat yang bertamadun. Perubahan pembaharuan pemikiran ummah akan dapat direalisasikan sekiranya faham akan matlamat dan falsafah ilmu diterapkan dalam sistem pendidikan negara. Keruntuhan akhlak akan berlarutan dan berpanjangan menjangkau masa dan zaman. Merujuk kepada permasalahan yang amat kritikal ini, Nursi mencadangkan beberapa penyelesaian; pertama memahami hakikat kejadian manusia. Kedua, menghayati kepentingan Asma' al-Husna. Ketiga, memanfaatkan ilmu pengetahuan. Menurut Nursi, kelemahan iman umat Islam berpunca daripada kerosakan hati, kesesatan ilmu dan falsafah Barat yang kian menular dalam benak pemikiran ummah (Nursi, 2011b). Hal ini bertepatan dengan suasana yang berlaku dalam kalangan umat Islam yang hanyut dengan falsafah Barat dan ideologi yang jauh menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar. Nursi ingin menghidupkan kembali amalan kehidupan Islam yang tulen serta meletakkannya pada tempat yang selayaknya. Sekiranya amalan ini dapat direalisasikan maka akan berduyun-duyunlah orang bukan Islam menerima Islam (Yildirim, 1997).

Isu-isu keruntuhan akhlak umat Islam di Malaysia juga mesti menjadi keutamaan dan dibincangkan dalam forum-forum ilmiah serta menjadi agenda kerajaan dalam menyelesaikannya. Isu remaja hamil luar nikah, jenayah seksual wanita dan kanak, Indeks

Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia yang membimbangkan serta jenayah tipu dan jenayah siber yang terus meningkat. Semua isu-isu ini mesti ditangani dengan baik dengan kesungguhan oleh pihak kerajaan, individu dan masyarakat. Idea penyelesaian oleh Said Nursi amat sesuai untuk dipraktikkan di Malaysia. Memahami hakikat kejadian manusia akan menginsafi manusia akan asal usul penciptaan dan manusia itu sendiri seterusnya mencipta matlamat hidup yang lebih jelas. Mengkaji dan memahami intipati Asma' al-Husna akan menjadikan manusia tidak sombong diri dengan kemegahan yang ada. Manakala memanfaatkan ilmu pengetahuan menjadikan umat Islam kembali menguasai pelbagai cabang ilmu, sama ada ilmu fardu ain dan juga fardu kifayah, ilmu dunia dan juga ilmu akhirat. Kekuatan ilmu sebenarnya membawa umat Islam tidak bergantung harap kepada ilmu dan kemajuan yang dibawa oleh kemajuan Barat yang penuh dengan was-was dan prasangka terhadap umat Islam.

Rujukan

- Abd al-Hamid, M. (2011). al-Tarbiyyah al-Sulukiyah 'Inda al-Nursi, Dlm. *Majallah al-Nur li al-Dirasat al-Hadariyyah wa al-Fikriyyah*, thn. 2, bil. 3. Lihat <http://nurmajalla.com/article.php?cid=2&c=3&id=261>. Diakses pada 18/5/2014.
- al-'Akiwi, 'A.K. (2011). al-Maqasid al-Amaliyyah li al-Tarbiyyah al-Sulukiyah 'Inda Bedi' al-Zaman al-Nursi, Dlm. *Majallah al-Nur li al-Dirasat al-Hadariyyah wa al-Fikriyyah*, thn. 2, Jun 2011, bil. 4. Lihat www.nurmajalla.com. Diakses pada 18/5/2014.
- al-Ansari, F. (2011). al-Quran al-'Azim Masdar li al-Tarbiyyah al-Sulukiyah 'Inda Bedi' al-Zaman Sa'id Nursi Dlm. *Majallah al-Nur li al-Dirasat al-Hadariyyah wa al-Fikriyyah*, thn.3, Januari 2011, bil. 3. Lihat www.nurmajalla.com. Diakses pada 21/2/2012.
- al-Attas, S.M.N..(2007). *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu Dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- al-Ghazali, A.H. (1983). *Timbangan Amal Menuju Kebahagiaan Akhirat*, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- al-Ghazali, A.H. (2000). *Penyelamat Dari Kesedaran*, Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- al-Ghazali, A.H. (t.t.). al-Hikmah fi Makhluqat Allah 'Azzawajalla, Dlm. *Majmu'ah Rasa'il Imam al-Ghazali*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ghazali, A.H. (t.t.). al-Munqidz min al-Dalal, Dlm. *Majmu'ah Rasai'il al-Imam al-Ghazali*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qardawi, Y. (1996). *al-Iman wa al-Hayah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Rasyudi, 'A.A. (2000). *al-Fikr al-Tarbawi 'Inda al-Syekh 'Abd al-Rahman al-Sa'di*, Riyad: Dar Ibn al-Jawzi.
- al-Sya'rawi, M.M. (1999). *Allah wa al-Nafs al-Basyariyyah*, Kaherah: Al-Hurriyyah li al-Nasyr wa al-Tab'.
- al-Tahanawi, M.A. (1988). *Kasyaf Istilahat al-Funun*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ayub, M.N., Sabjan, M.A., Ramli, A.D., Tha, M.M, Mat Hassan, S.H. (2012). Manhaj Pendidikan Menurut Badiuzzaman Said Nursi Dalam Risalah al-Nur. Proceeding The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago, Perak, hlm. 669-679.
- Azizan, N. I., Ismail, N., Zin, S. M. M., & Zainuddin, F. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial dan Perkembangan Teknologi: Challenges of Adolescent Morality Through The Social Environment and Technology Development. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 118-129.
- Din, H. (2010). *Manusia Dan Islam*, Kuala Lumpur: DBP.
- Fadzil.S. (2001). Abu Hasan Ali al-Nadwi: Tema-tema besar pemikirannya, Dlm. *Abu Hasan Ali al-Nadwi Pemikiran & Perjuangannya*, peny. Md Sidin Ahmad Ishak, Kuala Lumpur: ABIM.

- Gazalba, S. (1983). *Islam Dan Perubahan Sosiobudaya Kajian Islam Tentang Perubahan Masyarakat*, Jakarta: Pustaka Alhusna.
- Hamat, M.F. & Shuhari, M.H. (2010). al-Asmal al-Husna dalam wacana akidah Dlm. *Jurnal AFKAR*, Bil. 11, Feb. 2010 [1-54]. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010.
- Hamzah, H. (2016). Human development and hedonism culture challenges: A review from Islamic perspective. *e-Academia Journal*, 5(2).
- Hassan, M.K. (1988). *Pendidikan Dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*, Kuala Lumpur: Nurin Interprise.
- Hassan, M.K. (1988). Peranan akhlak dalam pendidikan, Dlm. *Jurnal Pendidikan Islam*, thn. 2, bil. 7, Kajang: ABIM.
- Hijjaji, H.A. (1996). *al-Fikr al-Tarbawi 'Ind Ibn Rejab al-Hambali*, Jeddah: Dar al-Andalus al-Khadra'.
- Hj. Yasin, M.S. (1991). *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Konsep Kerohanian*, Kuala Lumpur: DBP.
- Husin, M. R. B., Suhairi, N. S. S. B. M., Wan, W. N. B., Aziz, W. M. A. B. Z., Ismail, N. A. B., Binti, E. H., & Effendy, F. S. B. (2020). Masalah Berpasang-Pasangan dalam Kalangan Pelajar Sekolah.
- Ibn Kathir, 'I.A.I. (2000). *Tafsir Ibn Kathir*, Jizah: Mu'assasah Qurtubah.
- Ismail, M.Z. (2011). Kreativiti dan imaginasi dalam pengamatan al-Ghazali, Dlm. *Kreativiti Dan Imaginasi Dalam Psikologi Islam Pengamatan al-Ghazali, al-Baghdadi Dan al-Razi*, Kuala Lumpur: IKIM.
- Jalbani, GN. (1982). *Ajaran Syah Waliyullah*, Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Nasyriq, H., Abdul Hafiz F. & Abd Hamid, M. (2007). *Ensiklopedia Asmaul Husna*, Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Nursi, B.S. (2010). Sirah Zatiyah, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Nursi, B.S. (2011). *al-Kalimat*, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Nursi, B.S. (2011b). *al-Lumu'at*, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Nursi, B.S. (2011c). *al-Maktubat*, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Nursi, B.S. (2011d). *al-Mathnawi al-'Arabi al-Nuri*, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Nursi, B.S. (2011e). *Sayqal al-Islam*, Kaherah: Dar al-Nayl li al-Tiba'ah wa al-Nasyr.
- Omar, M.N. (2005). *Gagasan Islamisasi Ilmu*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Othman, M.Y. (1996). *Dualisme Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Othman, M.Y. (1996). Sains Tulen: Suatu pendekatan untuk mengatasi dualisme dalam pendidikan sains" Dlm. *Dualisme Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Qutb, S. (2000). *Tafsir Fi Zilalil al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Penerbitan Warisan Sdn. Bhd.
- Sardar, Z. (1992). *Hujah Sains Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaik Abdullah H.M, Abdul Salam M.S. & Mohd Abbas A.R. (2020). Peranan Akhlak dalam kehidupan: Tinjauan wacana akhlak Islam. Dlm. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 38-54.
- Stapa, Z. (2004). Tasawuf dalam pembangunan hakiki ummah" Dlm. *Tasawuf Dan Ummah*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Tatli, A. (1997). Nizam al-Tarbiyyah laday Badi' al-Zaman, Dlm. *Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursi fi Mu'tamar 'Alami Hawla Tajdid al-Fikr al-Islami*, 27-29 September 1992, Istanbul, Istanbul: Nesil Basim Yayin.

- Urkan, M.A. (1995). *al-Nursi Rajul al-Qadr fi Hayah al-Ummah*, Istanbul: Syarikat al-Nasyr li al-Tiba'ah.
- Wahidah, S. (1997). Muallafat Badi' al-Zaman ka Namuzaj li Taqdim al-Islam ila al-Gharb, Dlm. *Badi' al-Zaman Sa'id al-Nursi fi Mu'tamar 'Alami Hawla Tajdid al-Fikr al-Islami*, 27-29 September 1992, Istanbul, Istanbul: Nesil Basim Yayin.
- Yildirim, S. (1997). Mekanah Badi' al-Zaman al-Nursi fi al-Fikr wa al-Harakah al-Islamiyah, Dlm. *Badi' al-Zaman al-Nursi Fikruhu wa Da'watuhu*. Urdun: Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Yusuf, A.A. (2013). *Pengurusan Pendidikan Islam Mekanisme Tranformasi Ummah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusuf, A.S. (2010). *Idea-Idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali Dan Konfusius*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamakhshari, J.A.Q. (1998). *al-Kasyaf 'an Haqaiq Ghawamid al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*, al-Riyad: Maktabah al-'Abikan.